

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 18 OKTOBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/lain-lain/2022/10/1013735/jumlah-miskin-tegar-di-malaysia-makin-berkurangan>

### Jumlah miskin tegar di Malaysia makin berkurangan



*Datuk Seri Mustapa Mohamed - Foto fail NSTP*

KUALA LUMPUR: Jumlah miskin tegar berkurangan kepada 129,395 isi rumah setakat 30 September 2022 berbanding 260,000 yang dicatatkan pada 31 Oktober tahun lalu, ketika negara terkesan dengan COVID-19 yang memberi impak besar kepada jurang sosio-ekonomi.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata pengurangan jumlah isi rumah miskin tegar disokong pemulihan secara beransur-ansur ekonomi negara berikutan pelaksanaan yang berjaya daripada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan pengenalan lapan pakej rangsangan ekonomi.

"Komitmen Malaysia untuk membasmi kemiskinan bermula sejak 1971 dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dasar ini Berjaya mengurangkan kemiskinan tegar daripada 49 peratus pada 1970 kepada 17 peratus pada 1990.

"Ia diteruskan lagi dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dilancarkan tahun lalu yang memperbaharui fokus untuk menangani kemiskinan di Malaysia," katanya ketika menyampaikan ucapan pada peramian Hari Antarabangsa Bagi Membasmi Kemiskinan 2022 dengan tema Membina Komuniti Mampan di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan Sejahtera, Tan Sri Faizah Mohd Tahir; Timbalan Wakil Residen Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) bagi Malaysia, Singapura dan Brunei, Manon Bernier; dan Pengurus Negara Bank Dunia bagi Malaysia, Yasuhiko Matsuda.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, antara sasaran penting yang ditetapkan dalam RMK-12 adalah membasmi kemiskinan tegar menjelang 2025 menerusi pelaksanaan Program Basmi Kemiskin Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang dilaksanakan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

"Kejayaan pelaksanaan program ini bergantung kepada kerjasama dengan kerajaan negeri, pejabat daerah dan rakan strategik. Sebagai menteri yang mengetuai EPU, saya juga telah memulakan 'Poverty Circle' iaitu perbincangan meja bulat untuk menghimpunkan pemegang taruh utama bagi membincangkan langkah untuk membasmi kemiskinan.

"Program membasmi kemiskinan di Malaysia bukanlah sesuatu yang baharu, namun BMTKM menyasarkan untuk mencapai matlamat kami dalam membasmi kemiskinan tegar menjelang 2025 menerusi pendekatan menyeluruh di seluruh negara dengan menampilkan pemantauan berkala.

"Pelaksanaan semua penyelesaian juga akan digantikan dengan langkah yang bersesuaian bagi setiap lokaliti. Menerusi BMTKM, kami melaksanakan pelbagai agenda termasuk penjana pendapatan, pembinaan kapasiti, pembangunan keusahawanan, peluang kerja dan pemasaran di media social," katanya.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sekitar 20 peratus isi rumah M40 beralih ke nilai ambang pendapatan B40 pada 2020 disebabkan pandemik.

Daripada 2.91 juta isi rumah B40 pada 2019, sejumlah 68 peratus isi rumah B40 menetap di kawasan bandar, manakala baki 32 peratus lagi berada di komuniti luar bandar.

Di Malaysia, terdapat tiga definisi Indeks Garis Kemiskinan (PLI) iaitu kemiskinan tegar ditakrifkan sebagai isi rumah empat orang dengan pendapatan di bawah RM1,169 sebulan (PLI makanan); kemiskinan mutlak ditakrifkan sebagai isi rumah empat orang dengan pendapatan di bawah RM2,208 sebulan (keseluruhan PLI); dan, kemiskinan relatif ditakrifkan sebagai isi rumah dengan bulanan pendapatan iaitu 50 peratus di bawah pendapatan median isi rumah yang kini adalah RM2,940.

"EPU sedang bekerjasama dengan UNDP untuk menyemak semula Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI)," tambah Mustapa.